

**Bengkel Semakan Semula Dokumen Pelan Kesyinambungan Perkhidmatan (PKP)
Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang
Tahun 2024**

KUANTAN, 13 November 2024: Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang telah menganjurkan Bengkel Semakan Semula Dokumen Pelan Kesyinambungan Perkhidmatan (PKP) Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang pada 11 November 2024 hingga 13 November 2024 di Bilut Hills Resort, Raub Pahang.

Program tersebut telah dihadiri oleh wakil-wakil Bahagian yang merupakan komponen utama kepada Pelan Kesyinambungan Perkhidmatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang yang terdiri daripada Bahagian Teknologi Maklumat, Bahagian Khidmat Pengurusan dan Unit Korporat.

Pihak BPSM telah menjemput Encik Malyagus bin Tagi (Penolong Pengarah) dari Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) sebagai penceramah dan dibantu oleh Puan Noraida binti Mohd Nor (Penolong Pengarah) juga dari CGSO.

Pejabat SUK Pahang mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak CGSO atas kesudian untuk berkongsi ilmu dan memberikan taklimat dalam program ini.

#MajuTerusPahang

#Pahang1st

#KerajaanNegeriPahang



